

Minta MDKL segera selenggara parit

Ketiadaan lampu jalan di kawasan tersebut juga membimbangkan pengguna jalan raya yang berdepan risiko kemalangan

BANDAR MAHKOTA

- Masalah banjir kilat terus membelenggu pengguna jalan raya dan penduduk, di sini berikutan air yang melimpah keluar dari parit di tepi jalan utama Bandar Mahkota, sekali gus mengundang kesulitan lebih-lebih lagi pada musim tengkujuh.

Biarpun perkara ini sudah dilaporkan kepada pihak berwajib, namun masih belum ada sebarang tindakan diambil untuk menyelesaikan masalah itu.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, perkara itu sebenarnya masih sukar diselesaikan memandangkan jalan dan parit tersebut masih di bawah kuasa pemaju dan belum diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk urusan penyelenggaraan.



Keadaan air yang melimpah di laluan jalan utama Bandar Mahkota.

Menurutnya, bagaimanapun, beliau masih berusaha meminta Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mengorek parit yang tersumbat supaya air boleh mengalir lancar.

"Pengguna jalan raya terutama penduduk di kawasan terbabit sudah berkali-kali membuat laporan supaya ada

pihak selesaikan masalah ini.

"Saya faham keadaan ini menyulitkan dan perlu diatasi segera kerana ia membahayakan pengguna jalan raya terutama waktu malam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Chee Heng berkata, selain itu ketiadaan lampu jalan di kawasan tersebut juga mem-

bimbangkan pengguna jalan raya yang berdepan risiko kemalangan sekiranya terdapat takungan air.

Dalam pada itu, Chee Heng turut membuat permohonan melalui surat kepada MDKL agar dapat melakukan pembersihan parit di Persiaran Bandar Mahkota Banting iaitu



Chee Heng menunjukkan keadaan sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan baik.

jalan utama ke Taman Suria, Taman Mentari dan Taman Angkasa.

Menurutnya, sebelum ini, pernah berlaku kejadian di mana pengguna pernah tergelincir di kawasan ber-

kenaan disebabkan air yang melimpah.

Katanya, pengguna jalan raya amat berharap masalah itu dapat diselesaikan terutama melibatkan sistem perparitan yang tidak terurus.